

Kepengarangan Naskhah ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS1651’: Catatan tentang Penderhakaan atau Perjuangan?

Mardiana Nordin
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Pengenalan

Tok Janggut atau nama penuhnya Haji Mat Hassan bin Munas, seorang pejuang yang tidak lagi asing dalam kalangan masyarakat tempatan. Berasal dari Kelantan, perjuangan Tok Janggut juga dikenali sebagai ‘Kebangkitan Pasir Puteh, 1915’. Perjuangan beliau bukanlah bersifat individu dan peribadi semata-mata kerana gerakan ini turut disokong oleh beberapa orang pemimpin tempatan yang lain seperti Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Haji Said, Panglima Ishak, Tok Laboh, Pak Nik Abas, Tok Husin dan Tok Deraman, dan rakyat sekurang-kurangnya dua ribu orang. Episod peperangan ini bolehlah dikatakan bermula pada 29 April 1915, apabila Sarjan Che Wan (yang dihantar oleh Pegawai Jajahan, Encik Latif) ditikam oleh Tok Janggut dalam satu perbalahan. Pada petang hari yang sama, Tok Janggut bersama angkatan mara dari Kampung Tok Akib ke Pasir Puteh menguasai Pasir Puteh dan mengukuhkan pentadbiran sementara di sana. Kerajaan British kemudiannya menghantar pasukan mereka untuk menangkap Tok Janggut dan menyerang pengikut-pengikut beliau. Peperangan yang berlangsung hampir sebulan itu berakhir pada 24 Mei 1915 apabila Tok Janggut terbunuh.

Naskhah ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut MS1651’, yang tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia ini turut merakamkan episod di atas. Dengan kepanjangan 42 halaman bertulisan jawi tangan, Encik Ahmad bin Abdul Rahman iaitu pengarangnya telah menggalurkan beberapa peristiwa era awal abad ke-20 termasuk kisah pembunuhan Munas, bapa Tok Janggut, pembukaan daerah Pasir Puteh dan pentadbirannya sebelum memperincikan episod peperangan yang dicituskan oleh Tok Janggut bersama rakan-rakan beliau terhadap kerajaan Kelantan ekoran perasaan tidak puas hati terhadap beberapa situasi pemerintahan. Perkara yang menarik untuk diketengahkan adalah, bagaimana sudut pandangan yang dizahirkan oleh pengarang dalam melihat kebangkitan Tok Janggut ini. Adakah cetusan perang itu suatu perjuangan dan pembebasan atau semata-mata suatu penentangan dan pemberontakan sehingga beliau boleh dianggap sebagai seorang penderhaka.

Latar Belakang Naskhah dan Tok Janggut

Naskhah asal ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ ini tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, dengan nombor rujukannya MS 1651. Perpustakaan Negara memperolehi naskhah ini daripada Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah pada tahun 1991. Naskhah ini belum pernah diterbitkan tetapi telah pernah dikaji untuk Latihan Ilmiah oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 1999. Pelajar ini juga telah mengusahakan transliterasi naskhah ini ke rumi dan diletakkan di lampiran Latihan Ilmiahnya.¹ Selanjutnya, pada tahun 2007, seorang pelajar Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pula memanfaatkan naskhah ini dalam penulisan Latihan Ilmiah beliau dan mengkaji pensejarahan serta manfaat karya ini sebagai sumber sejarah.²

Naskhah asal ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ yang tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara ini berukuran 24 x 16.5 sm, mengandungi 42 halaman dengan purata baris ayat di setiap halaman lebih kurang 24 baris. Setiap barisnya pula mengandungi 10 hingga 12 patah perkataan. Namun naskhah tiada tercatat nombor halamannya. Keadaan naskhah ini masih baik dan lengkap tanpa ada halaman yang hilang atau rosak, malahan naskhah ini juga dijilid dengan benang, berkulit keras daripada kain.

‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ ini bertulisan jawi tangan yang kemas. Angka-angka dicatat dengan huruf Arab. Keseluruhan teks tidak mengandungi sebarang tanda bacaan, tanpa berperenggan dan juga tiada pemisahan bahagian atau bab. Di helaian asalnya kelihatan garis-garis pensil melintang dan menegak dipercayai bertujuan meluruskan setiap baris tulisannya. Tulisannya menggunakan dakwat hitam yang diselang-selikan dengan dakwat merah pada perkataan-perkataan terpilih.³ Di bucu bawah setiap halaman dicatatkan perkataan pertama yang menyusul pada halaman sebelahnya.

¹ Salina Mohamed, “Teks Sejarah Peperangan Tok Janggut,” Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

² Siti Maizura Ishak, “Teks Sejarah Peperangan Tok Janggut: Satu Kajian Sejarah”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.

³ Perkataan-perkataan terpilih ini biasanya nama-nama tokoh di dalam penceritaan tersebut seperti ‘Tok Janggut’, ‘Long Ghafar’, ‘Long Yunus’, ‘Munas’, ‘Engku Jeram’ dan lain-lain. Dimerahkan juga baris-baris ayat tertentu yang dipercayai sebagai tajuk bagi satu-satu bahagian penceritaan (walaupun tidak diberikan perenggan yang baru). Antara ayat-ayat tersebut seperti ‘Bandar Pasir Puteh Terbuka’ di halaman 10, ayat ‘Tok Janggut Mulai Mengorak Langkah’ di halaman 14, ayat ‘Pemberontakan Tok Janggut Melawan Kerajaan’ di halaman 23 dan lain-lain.

Dari segi penceritaan, secara keseluruhan pengisahan naskhah ini meliputi hampir dua abad. Peristiwa bermula abad ke-18 (1756) iaitu peristiwa Long Ghafar dianugerahkan wilayah Jeram oleh Long Yunus, berakhir sehingga peristiwa kematian Tok Janggut pada tahun 1915. Namun begitu, fokus pengisahan naskhah ini adalah peristiwa ‘peperangan Tok Janggut di Pasir Puteh, Kelantan’ yang dilihat bermula dari halaman 14 hinggalah halaman 37. Bermaksud lebih 50 peratus isi teks bertumpu kepada peristiwa tersebut.

Keseluruhannya, struktur teks ini boleh dibahagikan kepada enam bahagian utama.

1. Bahagian pertama, sebagaimana naskhah-naskhah Melayu lama yang lain, bahagian pengenalan teks ini juga bermula dengan kata puji-pujian kepada Allah dan pembuka kata pengarang itu sendiri. Teks menyebut,

“Alhamdulillahirobilalamin. Terima syukur kepada Allah tuhan yang maha kuasa, telah mengurniakan kepada hamba untuk menjadi sebuah kitab Sejarah Peperangan Tok Janggut di dalam negeri Kelantan. Maka hamba membuat satu petaruhan kepada anak cucu hamba di belakang hari jua. Maka dengan ini hamba mulakan dengan sebilah kalam untuk menjadikan dan peringatan bagi kita umat Islam di daerah Tanah Melayu.”⁴

2. Bahagian kedua adalah pengisahan asal-usul dan latar belakang wilayah Jeram.⁵ Di bahagian ini pengarang mengisahkan latar belakang penganugerahan wilayah Jeram kepada Long Ghafar dan warisnya oleh Long Yunus iaitu pemerintah Kelantan pada waktu tersebut. Long Ghafar dikatakan menjawat jawatan Pesuruhjaya di Jeram turun-temurun dan membina sebuah istana. Di bahagian ini juga dikisahkan asal-usul nama tempat ‘Pacakan’ (tempat yang menjadi sempadan di antara Kelantan dan Terengganu).⁶
3. Bahagian ketiga pula adalah pengisahan latar belakang Tok Janggut dan keluarganya. Di bahagian ini serba ringkas tentang anggota keluarga Tok Janggut dan keperibadian Tok Janggut diperihalkan.⁷ (Tetapi tidaklah seterperinci sebagaimana yang terkandung di dalam

⁴ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 1.

⁵ Wilayah Jeram ini adalah meliputi kawasan dari Pasir Tumbuh hingga ke laut hinggalah bersempadan dengan Terengganu di sebelah timurnya. Di sebelah barat pula hinggalah ke Sungai Kelantan iaitu bersempadan dengan Kuala Krai.

⁶ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 1. ‘Pacakan’ yang dicatatkan itu merujuk kepada Kampung Pacakan di Kuala Besut, Terengganu hari ini.

⁷ Tidak terperinci di sini kerana jika dibandingkan dengan teks *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangannya di Kelantan*, yang memerihalkan keperibadian dan sifat Tok Janggut dengan panjang lebar bermula dari kelahirannya, berusia 3-4 tahun, 7-8 tahun, 12 tahun, 18 tahun sehingga 25 tahun. Kemudian diperincikan pula dengan sifat-sifat

teks *Riwayat Hidup Tok Janggut*) Dimasukkan juga di bahagian ini kisah bapanya, Munas yang dihukum bunuh kerana menodai gundik raja.⁸

4. Bahagian seterusnya adalah penceritaan asal-usul dan pembukaan jajahan Pasir Puteh. Bahagian ini menceritakan suasana masyarakat di Pangkalan Limbungan (iaitu nama asal bagi Pasir Puteh), peristiwa-peristiwa yang tercetus sehinggalah pembukaan daerah Pasir Puteh secara rasminya.
5. Bahagian kelima sebagaimana yang disebut sebelum ini adalah bahagian yang terpanjang sekali iaitu peperangan Tok Janggut. Pengisahan bahagian ini terperinci dan begitu baik sekali. Bermula dengan perlantikan Ketua Jajahan bagi daerah Jeram yang silih berganti daripada Encik Yim, Pak Nik Leh sehinggalah Encik Latif. Pelantikan Ketua Jajahan dan pelaksanaan sistem-sistem baru kerajaan di Pasir Puteh inilah yang mencetuskan rasa tidak puas hati Tok Janggut bersama pengikut-pengikutnya sehingga membawa kepada pembunuhan Sarjan Sulaiman. Bahagian ini berterusan kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum tercetusnya peperangan dan bersambung sehingga meletus peperangan di antara Tok Janggut dan pengikutnya dengan tentera kerajaan. Bahagian ini berakhir dengan kematian Tok Janggut di dalam peperangan tersebut.
6. Bahagian terakhir ini boleh dilihat sebagai bahagian peristiwa selepas kematian Tok Janggut. Bahagian ini meliputi peristiwa perarakan dan penggantungan mayat Tok Janggut sehinggalah dikebumikan. Pengarang mengakhiri perawiannya dengan rangkaian syair terdiri daripada 25 rangkap sebelum menutup tulisannya dengan kalimat,

Maka tamatlah sejarah Tok Janggut ini dengan usaha kutik dan membuat peringatan kepada anak cucu di belakang hari dan sejarah Tok Janggut ditulis oleh fakir yang hina Ahmad bin Abdul Rahman, Kampung Padang Patani serta ditolong

tubuh beserta alamat-alamatnya. Berbanding naskah 'Sejarah Peperangan Tok Janggut', MS 1651, ia hanya memerihalkan keperibadian Tok Janggut tidak sampai 10 baris ayat. Lihat Abdullah Amirah, *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangannya di Kelantan*, Pasir Puteh, 1957, hlm. 1-5.

⁸ Munas sebenarnya tidak berpuashati apabila seorang anaknya bernama Mat Tahir telah dibunuh oleh orang raja (Jeram). Apabila beliau meminta kepada raja [Jeram] supaya tindakan diambil, raja telah tidak mengendahkannya. Peristiwa inilah yang menyebabkan Munas membalas dendam dengan menodai gundik kesayangan raja yang bernama Wan Serang Bulan. Apabila raja mendapat tahu, Munas kemudian telah dihukum bunuh. Semasa kejadian ini, Tok Janggut berada di Mekah kerana menuntut ilmu.

oleh Allah subhanawataala untuk menyudah pada hari Selasa Syawal dengan Alhamdullilah. WaAllah ualam.⁹

Pengarang dan Sumber Penulisan

Pengarang naskhah ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ ini bernama Ahmad bin Abdul Rahman, sebagaimana beliau catatkan sendiri di baris-baris akhir karyanya ini berbunyi,

Maka tamatlah sejarah Tok Janggut ini dengan usaha kutik dan membuat peringatan kepada anak cucu di belakang hari. Dan sejarah Tok Janggut ditulis oleh fakir yang hina Ahmad bin Abdul Rahman, Kampung Padang Patani.¹⁰

Tidak dipastikan siapa sebenarnya Ahmad Abdul Rahman ini. Biarpun begitu, di dalam halaman 12, ketika membicarakan perihal kunjungan Sultan Muhammad IV ke Pangkalan Limbungan (Pasir Puteh) mendamaikan perbalahan selanjutnya menitahkan pembinaan sebuah balai polis (rumah Pak Sulong) dan sebuah mahkamah di situ; pengarang memaklumkan bahawa maklumat-maklumat tersebut beliau perolehi daripada seorang yang bernama Haji Wan bin Dollah. Bapa Haji Wan iaitu Dolah bin Samah merupakan seorang yang berasal dari Jeram. Beliau adalah Penghulu yang dititahkan oleh Sultan Muhammad untuk mengenal pasti tapak yang sesuai untuk dijadikan balai polis dan mahkamah.¹¹

Tarikh atau tahun sebenar karya ini ditulis tidak dinyatakan. Pengarang sekadar menyebut tulisannya siap pada hari Selasa. Namun satu langkau tempoh masa pengarangan mungkin boleh dijangka melalui beberapa pernyataan di dalam teks itu sendiri yang berbunyi;

1. ‘Sebermula adapun jajahan Pasir Puteh iaitu jajahan yang keempat¹² di negeri Kelantan hari ini”. Bermakna karya ini ditulis selewat-lewatnya sebelum 1 Januari 1949 iaitu sebelum jajahan yang berikutnya di Kelantan (Tumpat) dibuka.
2. ‘Taukeh Panjang telah dibunuh oleh Jepun semasa pemerintahan Jepun”. Bermaksud karya ini ditulis seawal-awalnya setelah tamat pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1945.

⁹ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’, MS 1651, hlm. 42.

¹⁰ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 42.

¹¹ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm.12.

¹² Sedikit kekeliruan atau mungkin tersilap catatan pengarang di sini, kerana pada tahun 1905 ketika daerah Pasir Puteh dirasmikan, sehinggalah tahun 1948, hanya ada tiga buah daerah sahaja di Kelantan iaitu Kota Bharu, Ulu Kelantan/Kuala Krai dan Pasir Puteh sendiri.

Oleh itu, boleh diandaikan karya ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ ini ditulis antara tahun 1945 hingga 1948.

Lazimnya setiap pujangga Melayu menulis atas motif atau dorongan tertentu. Seringkali juga sesetengah pengarang menulis apabila dititahkan atau tidak kurang dalam kalangan mereka yang menulis sebagai ‘peringatan’ generasi kemudiannya. Secara jelas, menulis perihal Tok Janggut dan kisah peperangannya adalah matlamat utama pengarang ini, sama ada untuk mengangkat tokoh tersebut atau sebaliknya. Pengarang mencatat dengan jelas di halaman pertama,

Maka hamba membuat satu petaruhan kepada anak cucu hamba di belakang hari jua. Maka dengan ini hamba mulakan dengan sebilah kalam untuk menjadikan dan peringatan bagi kita umat Islam di daerah¹³ Tanah Melayu bahawa sebelum keluarga hendak tahu dan kenal siapa dia Tok Janggut itu, maka rasanya bagaimana keadaan dan kedudukan pemerintahan raja-raja di Kelantan pada zaman dahulu kala iaitu sebelum didatangi oleh kerajaan Inggeris. Supaya lebih jelas lagi diketahui susur galur akan keturunan suatu puak itu.¹⁴

Justeru latar belakang Tok Janggut diperihalkan serba ringkas supaya dimaklumi oleh pembaca. Naskhah ini tidak memuatkan salasilah yang terperinci bagi tokoh utama pengarangannya, Tok Janggut. Seawal-awal keturunan hanyalah diperihalkan tentang bapa Tok Janggut yang bernama Munas yang berkhidmat sebagai panglima atau hulubalang kepada Pesuruhjaya (raja) Jeram waktu itu iaitu Tengku Seri Maharaja Tua Jeram. Latar belakang keluarga Tok Janggut diberikan serba sedikit, misalnya adik beliau bernama Mat Tahir telah pun mati dibunuh dalam usia yang masih muda ketika menjalankan perniagaan ke Kota Bharu. Tok Janggut yang nama asalnya Mat Hasan disebut dilahirkan di Jeram pada tahun 1853 masihi.¹⁵ Beliau mendapat pendidikan agama yang mendalam, menuntut di pondok dan berguru dengan dengan seorang guru agama dari Minangkabau. Tok Janggut kemudian menyambung pengajiannya ke Mekah sekaligus menunaikan rukun hajinya di sana. Ketika di Mekah inilah bapanya telah dibunuh.

¹³ Dieja di dalam naskhah, d-d-r-h (ددره). ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 1.

¹⁴ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 1.

¹⁵ Teks *Riwayat Hidup Tok Janggut* menyebut beliau dilahirkan pada tahun 1850 masihi bersamaan 1268 H. Lihat, Abdullah Amirah, *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangannya di Kelantan*, hlm. 1.

Kepengarangan Penulis

Sekiranya karya ini dibaca secara literal tanpa cuba memahami budaya politik yang mendasari dunia kepengarangan waktu itu dan juga maksud-maksud tersirat yang cuba diketengahkan oleh pengarangnya, maka seorang pembaca akan cenderung mengatakan pengarang naskhah ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ ini sengaja ingin memperlihatkan sisi negatif Tok Janggut sekaligus melihat Tok Janggut sebagai seorang penderhaka. Gaya dan sudut kepengarangan seumpama ini bermula sebaik sahaja pengarang memperkenalkan bapa Tok Janggut itu sendiri, Munas.¹⁶ Sebagai sorang tokoh bersemangat pahlawan dan berlatar belakangkan agama yang baik, bapanya tidak digambarkan sedemikian.

Munas digambarkan berdendam dengan Raja Jeram kerana tidak mengambil tindakan akan aduannya. Menurut ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, salah seorang anak Munas, bernama Mat Tahir telah dibunuh oleh budak raja Kota Bharu dan Munas telah membuat aduan kepada Raja Jeram. Namun menurut naskhah ini lagi, “... maka kehendak Munas itu tidak diambil berat oleh baginda bahkan ambil tahupun tidak.”¹⁷ Justeru, Munas berdendam dan “... naiklah marahnya, iapun berazamlah dalam hatinya hendak memusnahkan kehidupan baginda..”¹⁸ Keperibadian Munas sangat jelas tercalar melalui episod ini. Beliau bukan sahaja menyimpan dendam malahan untuk melaksanakannya, Munas telah menodai gundik kesayangan raja bernama Wan Serang Bulan.¹⁹ Menurut pengarang ini juga, “... akhirnya terpaksa juga (Munas) turut masuk di dalam gaung kehinaan lagi ditegah oleh ugamanya.

Oleh itu, dengan pandangan sepintas lalu, sekiranya seseorang pengarang itu bermatlamat untuk meletakkan prestij yang tinggi kepada Tok Janggut, pastilah episod yang memaparkan kepincangan peri laku bapa si tokoh, tidak akan dimuatkan.

Satu situasi yang paling ketara dalam memberi sudut pandangan pengarang ini adalah bagaimana beliau menggarap episod peperangan Tok Janggut itu sendiri. Pengarang dilihat

¹⁶ Sekiranya dirujuk kepada karya-karya seumpama yang lahir hampir sezaman dengan ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ seperti *Detik-detik Sejarah Kelantan* oleh Saad Shukri Haji Muda, *Riwayat Kelantan, Ringkasan Cetera Kelantan* oleh Nik Mahmud bin Ismail, *Ringkasan Sejarah Kelantan* oleh Ariffin bin Abdul Rashid malahan juga di dalam teks *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangannya di Kelantan* oleh Haji Abdullah, tidak ada satupun karya ini yang memuatkan kisah bapa Tok Janggut ini.

¹⁷ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 4.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Wan Serang Bulan digambarkan sebagai gundik raja yang paling cantik, “... sifat tubuh badannya, tidak gemuk dan tidak pula kurus. Warna kulitnya putih kuning sebagai kuning langsung, keningnya lebat, rambutnya gunjur, dadanya bidang, pinggangnya ramping. Pendek kata tak puas di mata siapa yang belum melihat wajahnya.” ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 5.

menggunakan beberapa kosa kata yang membawa kepada konotasi negatif sehingga seseorang pembaca boleh mentafsir perjuangan Tok Janggut itu adalah satu penderhakaan. Lihat misalnya contoh-contoh petikan berikut yang menggunakan perkataan seperti ‘pemberontakan’, ‘menghasut’, ‘dakyah’ dan ‘derhaka’. Lihat misalnya petikan-petikan berikut;

“Barangkali tentulah sudah kenal sidang pembaca sekalian siapa dia Tok Janggut dan sekarang akan diceritakan pula bagaimana kesnya maka yang boleh jadi terbit perbalahan atau **pemberontakan** Tok Janggut terhadap pemerintah yang mana berakhirnya membawa peperangan yang hebat dan membawa maut itu adanya.” (hlm. 10)

“Maka baginda (raja Jeram) bersama dengan empat orang pengikutnya (termasuk Tok Janggut) itupun bemesyuaratlah di istananya membicarakan hal-hal yang telah maklum itu yang akhirnya berkeputusan, tiap-tiap seorang hendaklah **menghasut** rakyat supaya bencikan kepada kerajaan baharu.” (hlm. 14-15)

“Arakian maka Tok Janggutpun mulailah mengorak langkah **menghasut** dan **mendakyah** pengikut-pengikutnya dari sebuah kampung demi sebuah kampung yang lain, untuk menarik mereka supaya membantah undang-undang kerajaan itu seterusnya kepada **pemberontakan** yang hebat. Maka ramailah sudah pengikut-pengikutnya telah masuk ke dalam kumpulannya bersetuju sebagaimana **dakyah-dakyah**. (hlm. 15)

“Peluang keemasan ini sebagai ‘retak menanti belah’ kepada Haji Janggut dan Raja Jeram beserta pengikut-pengikutnya masing-masing menjalankan jarum **dakyahnya** yang memang diidam-idamkan itu.” (hlm. 16)

“Di dalam penyiasatan itu, diketahuilah bahawa terbitnya perkara itu disebabkan oleh **hasutan** dan **dakyah** Haji Janggut dan Engku Besar Jeram.”

“... hendaklah ditangkapnya Haji Janggut dan bawa ke bandar, kerana ianya sebagai seorang ketua **penghasut** rakyat kepada jalan **pemberontakan** melawan kerajaan.” (hlm. 18)

“Kerap kali Haji Janggut dan Haji Said semasa pemerintahan sementara itu ia keluar merata-rata kampung berkayuh atau ke sana ke mari, menanamkan perasaan gerak **derhaka** kepada seluruh rakyat jelata dan mencari jalan. Lebih-lebih lagi supaya fikiran rakyat jangan berbelah bagi terhadap dirinya.” (hlm. 24)

Selain itu, penulis juga seolah-olah memaparkan pemberontakan ini terdorong oleh faktor peribadi oleh Engku Besar Jeram Tun Ahmad yang khuatirkan kedudukan sebagai pemerintah di Jeram terjejas.²⁰ Menurut naskah ini,

Maka dari sebab itu terbitlah bimbangannya di hatinya (raja Jeram), takut-takut di satu masa nanti terhapus pemerintahannya lalu bagindapun mencari jalan bagaimana hendak dibuat supaya perjalanan kerajaan baharu itu menjadi buntu. (hlm. 14)

Membaca dan melihat kepada corak huraian atau kepengarangan seperti di atas, boleh mengundang salah tafsir kepada pembaca yang hanya memfokus kepada penggunaan istilah-istilah tersebut. Pengarang sebenarnya ingin mengangkat ketokohan Tok Janggut. Barangkali tersepit dalam pandangan sezaman bahawa Tok Janggut itu seorang penderhaka, pengarang tetap berusaha untuk memperlihatkan kewibawaan Tok Janggut. Lihat misalnya petikan berikut ketika pengarang menggambarkan personaliti Tok Janggut.

Bila disebut Tok Janggut, semula lapisan penduduk Kelantan kenal iaitu tidak lain dan tidak bukan lagi ialah Haji Hasan. Bermula adapun akan sifat tubuh badan Tok Janggut atau Haji Hassan itu iaitu tingginya, hitam manis, matanya bulat dan tajam pandangannya, serta kemerah-merahan alamat orang yang berani. Dahinya luas alamat luas kira bicara. Kepalanya besar alamat berakal. Rambutnya botak tanda kuat berfikir dan keningnya lebat tanda tetap membuat keputusan. (hlm. 10)

Atau petikan berikut,

Semasa ia di Jeram banyak juga pertolongan-pertolongannya kepada penduduk-penduduk dalam kampung iaitu dikerah gali parit, tali air untuk mengairkan bendang-bendang padi. (hlm. 11)

Senario negeri Kelantan (khususnya Pasir Putih) pada peringkat awal adalah baik. Walaupun setelah undang-undang baru diperkenalkan dan jawatan Pejawai Jajahan diwujudkan, rakyat tetap digambarkan hidup aman lantaran penjawat jawatan tersebut diberikan pada orang tempatan. Pak Nik Leh, seorang warga Kelantan diperihalkan sebagai seorang yang bertolak ansur dan tidak menekan rakyat dengan undang-undang baru berbanding penggantinya seorang warga Singapura,

²⁰ Mengikut sejarahnya, Long Ghafar memerintah Jeram sehingga tahun 1792 dan dimakamkan di Limbat. Beliau digantikan oleh menantunya Long Seri Putera Seri Maharaja Saibura dengan gelaran Engku Seri Maharaja. Lihat, Mohammad Hussein Khalie Awang, *Kelantan dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu: Dian Press, 1969, hlm. 37.

Engku Seri Maharaja Jeram diganti oleh Engku Cik Pandak, puteranya selepas beliau meninggal dunia. Engku Cik Pandak kemudian diganti pula oleh puteranya Engku Besar Tun Ahmad. Tetapi masa itu kedudukan Tun Ahmad tidaklah sebesar datuk moyangnya. Beliau bergelar Tok Kweng. Lihat, Nik Anuar Nik Mahmud, "Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915)", Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 6-8.

Encik Latif. Oleh itu, dalam situasi ini, kebangkitan rakyat Kelantan adalah wajar. ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ mencatatkan,

Pada masa itu, pemerintahan baharu bolehlah dikatakan secukup-cukup aman, tidak sedikit pun berlaku haru hara dan kacau bilau, baik dari pihak Tok Janggut kerana undang-undang yang berat itu tidak dijalankan oleh Pak Nik Leh. Bahkan boleh jadi bersetuju rakyat dengannya disebabkan ianya anak Kelantan jati. Kerana pada masa itu penduduk tiap-tiap negeri bolehlah disifatkan berperasaan kenegeri hingga semasa inipun sifat-sifat itu masih ada lagi tertanam di hati tiap-tiap bangsa terutama di kalangan kaum yang kurang pelajaran. Akan tetapi sayang ketua yang dikasihi rakyat itu tidak pula lama memerintah, hanya sehingga setahun sahaja, 1913T.M. iapun ditukarkan pula ke Kota Bharu dan diganti oleh Encik Latif. Beliau aialah anak dari Singapura juga. Syahdan manakala datang sahaja ketuaan baharu itu, segala undang-undang yang dahulu tidak dijalankan oleh Pak Nik Leh itu dijalankan semula dengan kuat kuasa kerana hendak mendapatkan hasil banyak, dipaksanya rakyat membayar hasil-hasilnya. Mana-mana rakyat yang tidak sempurnakan bayarannya, maka denda berlipat-lipat kali ganda. (16)

Justeru, adakah pemilihan istilah yang membawa konotasi negatif yang diguna oleh pengarang untuk menggambarkan peperangan Tok Janggut itu suatu situasi kepengarangan yang disengajakan? Atau satu kaedah kepengarangan bagi menegaskan maksud penentangan dan kebangkitan Tok Janggut tersebut? Kepada siapa sebenarnya penentangan atau penderhakaan itu ditujukan?

Secara jelas juga teks ini menunjukkan dakyah-dakyah dan sentimen menanam benci/menghasut yang disebarkan oleh Tok Janggut dan pengikutnya adalah kepada pegawai jajahan baru, Encik Latif kerana kuat kuasa undang-undang baru yang menekan rakyat.²¹ ‘Kerajaan’ yang diulang-ulang tulis oleh pengarang juga jelasnya bukanlah Sultan atau institusi kesultanan Kelantan tetapi merujuk kepada Kerajaan British yang menguasai pentadbiran Kelantan waktu itu. ‘Derhaka’ yang ditulis oleh pengarang jelasnya bukanlah penderhakaan kepada raja tetapi satu bentuk keingkaran terhadap kerajaan British yang menguasai pemerintahan waktu itu. Ketika Engku Besar Ahmad dapat mengukuhkan pentadbiran sementara di Pasir Puteh dengan dibantu oleh Tok Janggut dan pengikut-pengikut yang lain, Tok Janggut digambarkan

²¹ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut’ mencatatkan, “... pada zaman itu tak dikira keturunan, Raja Jeram pun dipaksa juga mesti bayar hasil pada segala-galanya. Walhal sebelum daripada itu, pihak titihan Raja Jeram dikecualikan dari membayarnya, baik hasilnya, mahsul dan cukai bia negeri. Maka termasuklah Engku Besar jeram dan Tok Janggut di dalamnya lingkungan itu, iapun menambah-nambah lagi benci terhadap terhadap pemerintah Encik Latif itu.” Lihat, ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 16-17.

sering menyakinkan rakyat dengan matlamat perjuangan mereka. Dalam salah satu syarahannya, Tok Janggut digambarkan mengucapkan,

Jangan kita buat apa-apa kerosakan. Kita tidak marah pada Raja kita, hanya satu kita marah kepada kezaliman Ketua Jajahan ini. Kamu jangan merosak apa-apa di limbungan ini. Hendaknya masing-masing mesti beringat dan bersedia pada setiap masa kerana di satu hari nanti kita akan menempuh kesusahan iaitu mungkin akan berperang dengan pihak yang berkuasa di Kota Bharu sebab dengan sahnya tetaplah perkara ini akan disampaikan oleh ketua bedebah itu kepada Duli Yang Mulia [Mulia] Tuankunya Sultan Kelantan. Maka manakala diketahuinya hal perbalahan kita ini oleh tuanku, tak dapat tiada diperintahkan mata-mata dan askarnya ke mari. Pada masa itulah yang dikatakan mungkin berperang itu. (hlm. 24)

Petikan yang didakwa dari syarahan Tok Janggut di atas sebenarnya menjawab segala tanda tanya keingkaran Tok Janggut dan sahabat-sahabat beliau. Penderhakaan bukanlah dalam erti kata derhaka yang sebenarnya. Tok Janggut, Engku Besar Ahmad dan kumpulan mereka sangat jelas dengan hala tuju perjuangan dan tidak takut mengekspresikan kebenaran. Apabila Engku Besar dijemput ke Padang Pak Amat oleh Menteri (Dato' Encik Seri Setia Raja) dan pembesar-pembesar negeri yang lain untuk membuat perundingan, dengan jelas Tok Janggut berkata, "... apa ditakutkan kerana kita tidak bersalah dan derhaka kepadanya Tuanku Sultan, hanya kita buat ingkar ini ialah terbit dari kezaliman pemerintah Ketua Jajahan Encik Latif."²²

Dalam perhimpunan di Padang Pak Amat di rumah Imam Kadir, pengarang memanfaatkan situasi tersebut untuk memaparkan satu justifikasi perjuangan rakyat Kelantan. Haji Senik dari Kampung Gong Datok mewakili rakyat berucap mengenai sebab musabab kebangkitan rakyat sekaligus membuktikan elemen-elemen perjuangan mereka bukanlah atas hasutan personal Tok Janggut. "Sejarah Peperangan Tok Janggut" mencatatkan terdapat lima sebab besar kebangkitan perjuangan ini iaitu (dengan ayat penulis sendiri),

Pertama, Encik Latif seorang yang zalim, tidak pandai mengambil hati rakyat dan sering mengeluarkan kata-kata yang kesat.²³

²² 'Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651', hlm. 25.

²³ Kenyataan sebegini turut tercatat di dalam "Statement of P. C. Awang, as taken by Mr. Jackson dalam CO 273/427", yang dipetik oleh Tan Ban Tiek, "The Tok Janggut Rising of 1915", hlm. 103.

Kedua, Penduduk jajahan tersebut tidak senang apabila seorang berasal luar dari Kelantan (seperti Singapura) yang menjadi pemimpin mereka.²⁴

Ketiga, Penduduk jajahan lebih suka jika seseorang yang berdarah diraja yang menjadi pemimpin mereka.

Keempat, Undang-undang di dalam jajahan terutama yang berkaitan dengan cukai didapati sangat menekan dan membebankan.²⁵

Kelima, Kebiasaannya mereka yang berketurunan daripada Long Ghafar tidak dikenakan cukai. Tetapi Encik Latif telah menuntut bayaran cukai dari mereka. Malahan jika bayaran tidak dibuat, harta-harta mereka akan dilelong.

Empati pengarang terhadap perjuangan Tok Janggut semakin menyerlah di akhir-akhir pengarangannya. Apabila kerajaan Kelantan mula melibatkan askar-askar British dan dibawa masuk ke Pasir Puteh untuk menggempur angkatan Tok Janggut, Tok Janggut memilih untuk menyembunyikan diri dan tidak melawan, “supaya rakyat jangan ramai terkorbannya dalam pertempuran itu.”²⁶ Namun, ekoran provokasi yang dilakukan oleh askar-askar India (Sikh) yang datang ke Pasir Putih kemudiannya mendorong Tok Janggut untuk memantapkan angkatan perang yang lengkap dan segala senjata termasuk peralatan tradisional (kapak, keris, lembing, parang, pedang dan tombak selain senapang) dan meletuslah perang. Namun pengarang menegaskan,

Tuan-tuan pembaca sedia maklum di dalam peperangan itu, telah barang tentu lebih sebelah pihak seldadu-seldadu Sikh kerana ianya mendapat latihan perang yang

²⁴ Kenyataan sebegini turut tercatat di dalam “Statement of Imam Kadir to Jackson 30.5.1915 dalam CO 273/427” yang dipetik oleh Tan Ban Tiek, “The Tok Janggut Rising of 1915”, hlm. 101.

²⁵ Jumlah Cukai yang dikenakan terhadap penduduk Jajahan Pasir Puteh sebagaimana tercatat di dalam naskhah ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS1651’.

Jenis Barangan	Nilai Cukai
Cukai kepala setahun	Seringgit seorang
Pokok buah sekupang	12 ½ sen sepokok
Pohon nyior	3 sen sepohon
Sireh	5 sen sejujung
Binatang peliharaan	
- lembu dan kerbau	20 sen seekor
- anjing dan babi	50 sen seekor
Pokok kayu keras	seringgit sepokok
Hasil tanah	60 sen seekor

²⁶ ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 35.

sebenarnya dan sangat ketahuai segala selok belok peperangan. Tambahan pulanya segala alat senjata pula lebih segala-galanya dari pihak Panglima Tok Janggut, hanya berkuatkan senapang ugih²⁷ dan lembing parang sahaja. Sungguhpun rakyatnya lebih ramai daripada lawannya, diibaratkan budak-budak bergaduh dengan orang tua. Sebagaimana kuatnya budak, lebih juga orang tua. (hlm. 36-37.

Maka akhirnya tewaslah juga angkatan Tok Janggut walaupun mereka berjuang bermati-matian. Tok Janggut sendiri terkorban ditikam dengan benet dari senapang askar India itu.

Penutup

Di halaman-halaman akhir pengarang, pengarang merawikan bahawa apa yang berlaku terhadap Tok Janggut termasuk pelakuan terhadap jenazah baginda adalah ‘balasannya orang yang derhaka pada raja dan negerinya’. Malahan penyiksaan terhadap mayat Tok Janggut yang digantung kaki ke atas dan kepala ke bawah adalah, ‘sebagaimana patut ingati di zaman yang lampau, siapa yang diderhakanya dan melawan raja maka hukumnya seperti itu yang akan diterimanya.’ Namun, sebahagian besar episod perang yang dilakarkan pengarang sebenarnya menunjukkan pengarang sangat jelas bahawa Tok Janggut bukanlah penderhaka kepada raja tetapi hanya kepada kerajaan/pemerintah yang berkuasa iaitu British. Ayat-ayat akhir ini hanyalah suatu ‘sudut pandang’ atau analog mewakili pandangan pihak yang sebenarnya sedang berkuasa supaya tidak kelihatan tercalarnya imej raja. Dengan kata lain, sejak dari dahulu lagi, mana-mana penulis Melayu sedar dan maklum bahawa kebangkitan Tok Janggut adalah perjuangan dan bukan penderhakaan.

²⁷ Dieja di dalam naskhah, a-w-g-y-h (اوگپه), ‘Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS 1651’, hlm. 37.